

Melayu, Bumiputera perlu ubah sikap: Aishah

KUALA LUMPUR: Orang Melayu dan Bumiputera perlu mengubah sikap dan berani untuk membabitkan diri dalam pelbagai sektor ekonomi jika mahu maju seiring kaum lain dalam menikmati kekayaan negara.

Tokoh veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata beliau tidak membantah gesaan supaya kerajaan menubuhkan jabatan khas bagi meneliti Perkara 153 Perlembagaan Malaysia (hak istimewa orang Melayu), tetapi melihat perubahan sikap sebagai jawapan kepada pelbagai masalah Melayu.

"Kerajaan sejak dulu lagi tidak pernah berhenti membantu meningkatkan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera supaya setara dengan kaum lain.

"Kerajaan sudah buat macam-macam tapi sikap dan mentaliti orang Melayu itu sendiri yang tidak ambil serius menyebabkan mereka ketinggalan.

"Saya tidak bantah cadangan untuk mewujudkan jabatan itu sekiranya ia membantu ekonomi orang Melayu dan Bumiputera... tapi apa yang penting ialah ubah sikap sebab kalau tidak berubah, menyeleweng dan gagal merebut peluang ia tidak akan memberi makna," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Kelmarin, bekas Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman membuat gesaan supaya diwujudkan jabatan khas untuk meningkatkan keupayaan dan taraf hidup orang Melayu berpandukan Perkara 153.

Beliau membuat gesaan itu ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara.

Aishah berkata, keputusan untuk memajukan diri dan ekonomi Melayu bergantung sepenuhnya kepada mereka sendiri kerana kerajaan sudah melaksanakan tanggungjawabnya.

"Apa lagi yang kerajaan tak buat (bantu meningkatkan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera).

"Saya juga sedih dengan sikap orang Melayu... sekarang kita lihat ramai yang enggan membayar pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) walaupun sudah berjaya, malah ada yang menjadi jutawan," katanya.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata selama ini pun kerajaan sudah menggerakkan jentera daripada peringkat tertinggi sehingga ke akar umbi dalam memperhebatkan usaha membantu orang Melayu dan Bumiputera berjaya dalam bidang ekonomi.

"Jadi, saya fikir cadangan penubuhan jabatan itu bukan penyelesaian," katanya.